


# Usaha lahir bakat mahir dalam industri halal



## BANGUNKAN

### KEUPAYAAN HALAL:

Pengarah Eksekutif SIM, Encik Ronald Tan (*kanan*) berjabat tangan dengan Encik Zuraimi selepas memeterai MOU dalam Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) ke-19 anjuran Jamiyah baru-baru ini. – Foto SIM

► **NORHAIZA HASHIM**  
norhaiza@sph.com.sg

PERKEMBANGAN industri halal yang pesat di dunia telah mendorong cabang pembangunan eksekutif Institut Pengurusan Singapura (SIM), Pembangunan Profesional SIM (SIM PD) untuk memeterai perjanjian persefahaman (MOU) dengan sebuah syarikat halal swasta untuk melahirkan bakat-bakat yang mahir dalam industri halal.

Ini merupakan inisiatif pertama SIM PD dalam industri halal, kata Encik Noor Hayat Khalil, pengurus (Huraian Pembelajaran bagi Pelanggan) SIM PD.

MOU dengan syarikat runding-cara halal swasta, Pure & Good Management (P&G) Pte Ltd itu dimeterai dalam Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) ke-19 anjuran Jamiyah baru-baru ini.

Kedua-dua pertubuhan akan

menganjurkan sebuah program sehari, International Halal Masterclass, April ini sebelum memperkenalkan beberapa program intensif untuk topik-topik seperti pemikiran rekaan (design thinking) bagi industri halal dan pelancongan halal bermula Jun ini.

“Inilah kali pertama kami bekerjasama bagi membangunkan keupayaan kepimpinan bagi industri halal yang berkembang. Kami yakin industri ini memerlukan bantuan bagi melahirkan pemimpin dan memupuk keupayaan inovatif bagi firma-firma yang kebanyakannya merupakan syarikat kecil dan sederhana (SME) serta mereka yang berminat menembusi industri halal agar membangunkan sektor itu di peringkat sejagat dan setempat,” jelas Encik Noor ketika ditanya *Berita Harian*.

Menurut Pengarah Eksekutif P&G, Encik Zuraimi Jumaat, terdapat minat dalam kalangan rang-

kaian antarabangsa P&G seperti Korea Selatan, China, Jepun, Vietnam dan Afrika Selatan untuk membangunkan keupayaan tenaga buruh halal sejagat.

“Ini akan membantu rangkaian antarabangsa kami memahami perniagaan halal dalam ekonomi sejagat dan mengalihkan pengetahuan kepada pengurus halal sejagat mereka,” ujar Encik Zuraimi, yang membantu syarikat-syarikat luar negara membangunkan keupayaan halal mereka.

Dalam kelas Masterclass itu, ia dijangka disertai oleh beberapa peserta luar negara yang membolehkan wakil-wakil setempat dalam bidang halal yang menyertai program itu untuk bertukar-tukar pandangan.

Selain pensyarah dari luar negara, sesi sehari itu akan juga dikendalikan oleh pensyarah SIM yang akan menyampaikan ceramah mengenai pemikiran rekaan bagi

membawa inovasi dalam industri halal.

Pendaftaran dijangka dibuka pertengahan bulan depan bagi kelas itu.

SIM PD dan P&G telah bekerjasama sejak awal 2018 bagi membangunkan peta laluan bagi membangunkan karyawan, karyawan dan kakitangan dalam sektor ini.

Industri halal telah berkembang dari hanya makanan kepada bidang lain seperti kosmetik, farmaseutikal, pelancongan yang membuka peluang pekerjaan dan perniagaan baru.

“Bagi menyokong pertumbuhan dalam sektor ini, pengurus dan pekerja terlatih diperlukan bagi memastikan industri ini diurus dengan berkesan,” jelas Encik Noor.

Menurut Asia Pacific Food Industry ([www.apfoodonline.com](http://www.apfoodonline.com)), makanan dan minuman Halal bernilai AS\$1.2 trilion (\$1.67 trilion) pada 2015, dan dijangka meningkat kepada AS\$1.9 trilion menjelang 2021.